PNB
Permodalan Nasional Berhad
(38218-X)

ASNB
Amanah Saham Nasional Berhad
(47457-V)
Anak syarikat milik penuh PNB

# LAPORAN INTERIM

BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011

AMANAH SAHAM GEMILANG
ASG

DANA AMANAH YANG MENGGABUNGKAN TIGA CIRI; PENDIDIKAN, KESIHATAN DAN PERSARAAN. MENYEDIAKAN PELUANG PELABURAN YANG MENJANA PERTUMBUHAN DAN PULANGAN JANGKA PANJANG YANG BERPATUTAN.

# ISI KANDUNGAN


| NO | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **I.** | **Maklumat Tabung** | 3 |
| **II.** | **Prestasi Tabung** | 5 |
| **III.** | **Laporan Pengurus** | 11 |
| **IV.** | **Penyata Pengurus** | 17 |
| **V.** | **Penyata Pemegang Amanah** | 18 |
| **VI.** | **Laporan Juruaudit** | 19 |
| **VII.** | **Penyata Kewangan** | |
| | A. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan | 21 |
| | B. Penyata Pendapatan Komprehensif | 24 |
| | C. Penyata Kedudukan Kewangan | 27 |
| | D. Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih | 30 |
| | E. Penyata Aliran Tunai | 33 |
| | F. Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan | 36 |
| **VIII.** | **Maklumat Korporat** | 72 |

# LAPORAN PENGURUS AMANAH SAHAM GEMILANG (ASG)

Pemegang-pemegang unit Amanah Saham Gemilang (ASG) yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus, dengan sukacitanya membentangkan Laporan Interim ASG bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011.

ASG adalah tabung unit amanah berkonsepkan "payung", yang mempunyai tiga tabung unit amanah di bawah naungannya, iaitu Amanah Saham Pendidikan (ASG-Pendidikan), Amanah Saham Kesihatan (ASG-Kesihatan) dan Amanah Saham Persaraan (ASG-Persaraan).

## I. MAKLUMAT TABUNG

### a) Kategori dan Jenis Tabung

| Nama Tabung | Kategori | Jenis Tabung |
|---|---|---|
| **ASG-Pendidikan** | Sekuriti pendapatan tetap dan lain-lain instrumen pasaran modal | Pertumbuhan dan Pendapatan |
| **ASG-Kesihatan** | Ekuiti | Pertumbuhan dan Pendapatan |
| **ASG-Persaraan** | Sekuriti pendapatan tetap dan lain-lain instrumen pasaran modal | Pertumbuhan dan Pendapatan |

### b) Objektif Pelaburan Tabung

| Nama Tabung | Objektif |
|---|---|
| **ASG-Pendidikan** | Menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan bagi memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan kecairan berkala pemegang-pemegang unit dan membolehkan mereka memenuhi keperluan perancangan kewangan untuk pendidikan mereka dan/atau anak-anak dan/atau individu di bawah jagaan mereka. |
| **ASG-Kesihatan** | Menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan bagi memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan kecairan segera untuk membolehkan pemegang-pemegang unit menampung keperluan perbelanjaan kesihatan secara berterusan bagi diri mereka dan/atau anak-anak dan/atau individu dibawah jagaan mereka. |

# I. MAKLUMAT TABUNG (SAMB.)

## b) Objektif Pelaburan Tabung (Samb.)

| Nama Tabung | Objektif |
|---|---|
| **ASG-Persaraan** | Menyediakan peluang pelaburan yang menjana pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang berpatutan dan pengaliran pendapatan yang stabil untuk membolehkan pemegang-pemegang unit dan/atau anak-anak dan /atau individu di bawah jagaan mereka memenuhi sebahagian atau kesemua keperluan persaraan mereka. |

## c) Penanda Aras Tabung

ASG menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan kadar Faedah Pasaran Wang Antara Bank 3-bulan (KLIBOR 3-bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

| Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai[1] | ASG-Pendidikan[1] | ASG-Kesihatan[1] | ASG-Persaraan[1] |
|---|---|---|---|
| FBM 100(%)[2] | 60 | 70 | 40 |
| KLIBOR 3-bulan | 40 | 30 | 60 |

*Nota:*

1. *Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai yang berkuatkuasa pada 31 Mac, 2008.*
2. *Penanda Aras menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang berkuatkuasa pada 31 Julai 2009.*

## d) Polisi Pengagihan Pendapatan Tabung

Tabung-tabung di bawah naungan ASG akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

## e) Pegangan Unit

### (i) ASG-Pendidikan

Pada 30 September 2011, seramai 13,666 individu telah menyertai ASG-Pendidikan. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

| Pecahan Pegangan Unit | Bilangan Pemegang Unit | Bilangan Unit Dilanggan |
|---|---:|---:|
| 5,000 ke bawah | 12,073 | 8,231,811 |
| 5,001 - 10,000 | 691 | 4,988,227 |
| 10,001 - 50,000 | 744 | 15,891,809 |
| 50,001 - 500,000 | 154 | 16,214,493 |
| 500,001 ke atas | 4 | 2,918,056 |
| **Jumlah** | **13,666** | **48,244,396** |

# I. MAKLUMAT TABUNG (SAMB.)

## e) Pegangan Unit (Samb.)

### (ii) ASG-Kesihatan

Pada 30 September 2011, seramai 8,452 individu telah menyertai ASG-Kesihatan. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

| Pecahan Pegangan Unit | Bilangan Pemegang Unit | Bilangan Unit Dilanggan |
|---|---:|---:|
| 5,000 ke bawah | 6,581 | 6,060,914 |
| 5,001 - 10,000 | 775 | 5,583,632 |
| 10,001 - 50,000 | 915 | 18,510,269 |
| 50,001 - 500,000 | 180 | 20,857,811 |
| 500,001 ke atas | 1 | 542,196 |
| **Jumlah** | **8,452** | **51,554,822** |

### (iii) ASG-Persaraan

Pada 30 September 2011, seramai 2,861 individu telah menyertai ASG-Persaraan. Pecahan pegangan unit adalah seperti berikut:

| Pecahan Pegangan Unit | Bilangan Pemegang Unit | Bilangan Unit Dilanggan |
|---|---:|---:|
| 5,000 ke bawah | 2,192 | 2,179,997 |
| 5,001 - 10,000 | 239 | 1,707,430 |
| 10,001 - 50,000 | 342 | 7,413,878 |
| 50,001 - 500,000 | 87 | 8,854,959 |
| 500,001 ke atas | 1 | 759,411 |
| **Jumlah** | **2,861** | **20,915,675** |

# II. PRESTASI TABUNG

## a) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran

### (i) ASG - Pendidikan

| Komponen Aset Dalam Portfolio | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Tahun Kewangan Berakhir | | |
|---|---:|---:|---:|---:|
| | 30/09/2011 % | 31.03.2011 % | 31.03.2010 % | 31.03.2009 % |
| **Pelaburan di Pasaran Ekuiti** | **47.35** | **62.83** | **70.06** | **54.35** |
| **Lain-lain pelaburan di pasaran modal** | | | | |
| (i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga | 0.87 | 0.98 | 1.06 | 1.32 |
| (ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum | 2.23 | 2.44 | 2.62 | 3.28 |
| (iii) Lain-lain Instrumen Pelaburan dan Aset Bersih | 49.55 | 33.75 | 26.26 | 41.05 |
| **Jumlah** | **100.00** | **100.00** | **100.00** | **100.00** |

# II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

## a) Perumpukan Aset Mengikut Sektor Pada Nilai Pasaran (Samb.)

### (i) ASG - Pendidikan(Samb.)

**Perumpukan aset mengikut sektor pada nilai pasaran**

| Sektor | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Tahun Kewangan Berakhir | | |
|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 RM ('000) | 31.03.2011 RM ('000) | 31.03.2010 RM ('000) | 31.03.2009 RM ('000) |
| Pembinaan | 1,410 | 1,290 | 1,306 | 1,042 |
| Barangan Pengguna | 1,003 | 1,110 | 1,746 | 1,104 |
| Kewangan | 6,474 | 7,840 | 8,527 | 4,185 |
| Barangan Industri | 1,157 | 1,097 | 576 | 773 |
| Infrastruktur | 1,485 | 1,498 | 1,906 | 1,744 |
| Perladangan | 1,006 | 2,266 | 1,878 | 1,183 |
| Hartanah | 988 | 1,012 | 958 | 670 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 9,225 | 11,348 | 11,260 | 6,123 |
| Lain-lain sektor | 786 | 690 | - | 460 |
| **Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga** | **23,534** | **28,151** | **28,157** | **17,284** |
| Lain-lain pelaburan di pasaran modal disebut harga | | | | |
| 1. Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga | 430 | 441 | 427 | 420 |
| 2. Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum | 1,106 | 1,093 | 1,052 | 1,042 |
| 3. Lain-lain pelaburan dan aset bersih | 24,606 | 15,143 | 10,557 | 13,055 |
| **Jumlah** | **49,676** | **44,828** | **40,193** | **31,801** |

### (ii) ASG - Kesihatan

| Komponen Aset Dalam Portfolio | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Tahun Kewangan Berakhir | | |
|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 % | 31.03.2011 % | 31.03.2010 % | 31.03.2009 % |
| **Pelaburan di Pasaran Ekuiti** | **56.01** | **62.79** | **75.84** | **64.67** |
| **Lain-lain pelaburan di pasaran modal** | | | | |
| (i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga | 0.59 | 0.70 | 0.85 | 1.33 |
| (ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum | 2.04 | 2.31 | 2.91 | 4.42 |
| (iii) Lain-lain Instrumen Pelaburan dan Aset Bersih | 41.36 | 34.20 | 20.40 | 29.58 |
| **Jumlah** | **100.00** | **100.00** | **100.00** | **100.00** |

## II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

### a) Perumpukan aset mengikut sektor pada nilai pasaran (Samb.)

### (ii) ASG - Kesihatan (Samb.)

**Perumpukan aset mengikut sektor pada nilai pasaran**

| Sektor | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 RM ('000) | Tahun Kewangan Berakhir 31.03.2011 RM ('000) | 31.03.2010 RM ('000) | 31.03.2009 RM ('000) |
|---|---|---|---|---|
| Pembinaan | 1,574 | 1,290 | 1,306 | 941 |
| Barangan Pengguna | 1,297 | 1,146 | 1,733 | 846 |
| Kewangan | 11,442 | 9,275 | 8,269 | 3,363 |
| Barangan Industri | 1,305 | 1,132 | 614 | 743 |
| Infrastruktur | 1,349 | 1,452 | 1,896 | 1,6881 |
| Perladangan | 1,043 | 2,201 | 1,763 | 1,172 |
| Hartanah | 1,081 | 976 | 853 | 600 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 10,513 | 11,472 | 10,940 | 5,504 |
| Lain-lain sektor | 816 | 702 | - | 414 |
| **Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga** | **30,420** | **29,646** | **27,374** | **15,264** |
| Lain-lain pelaburan di pasaran modal disebut harga | | | | |
| 1. Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga | 323 | 331 | 320 | 315 |
| 2. Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum | 1,106 | 1,093 | 1,052 | 1,042 |
| 3. Lain-lain pelaburan dan aset bersih | 22,470 | 16,147 | 7,354 | 6,981 |
| **Jumlah** | **54,319** | **47,217** | **36,100** | **23,602** |

### (iii) ASG - Persaraan

| Komponen Aset Dalam Portfolio | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 % | Tahun Kewangan Berakhir 31.03.2011 % | 31.03.2010 % | 31.03.2009 % |
|---|---|---|---|---|
| **Pelaburan di Pasaran Ekuiti** | **51.52** | **61.64** | **59.92** | **48.62** |
| **Lain-lain pelaburan di pasaran modal** | | | | |
| (i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga | 1.39 | 1.42 | 1.48 | 1.73 |
| (ii) Pelaburan Dalam Sekuriti Modal Bercantum | 4.76 | 4.70 | 4.88 | 5.71 |
| (iii) Lain-lain Instrumen Pelaburan dan Aset Bersih | 42.33 | 32.24 | 33.72 | 43.94 |
| **Jumlah** | **100.00** | **100.00** | **100.00** | **100.00** |

# II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

## a) Perumpukan aset mengikut sektor pada nilai pasaran (Samb.)

## (iii) ASG - Persaraan (Samb.)

**Perumpukan aset mengikut sektor pada nilai pasaran**

| Sektor | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 RM ('000) | Tahun Kewangan Berakhir 31.03.2011 RM ('000) | 31.03.2010 RM ('000) | 31.03.2009 RM ('000) |
|---|---|---|---|---|
| Pembinaan | 564 | 270 | 575 | 445 |
| Barangan Pengguna | 1,356 | 1,225 | 963 | 636 |
| Kewangan | 2,686 | 3,412 | 3,848 | 2,272 |
| Barangan Industri | 502 | 208 | 117 | 305 |
| Infrastruktur | 639 | 1,274 | 1,052 | 951 |
| Perladangan | 359 | 1,011 | 780 | 655 |
| Hartanah | 347 | 315 | 589 | 412 |
| Perdagangan/Perkhidmatan | 4,004 | 5,232 | 5,005 | 3,096 |
| Lain-lain sektor | 1,501 | 1,394 | - | 100 |
| **Jumlah Pelaburan Ekuiti Disebut Harga** | **11,958** | **14,341** | **12,929** | **8,872** |
| Lain-lain pelaburan di pasaran modal disebut harga | | | | |
| 1. Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga | 323 | 331 | 320 | 315 |
| 2. Pelaburan dalam sekuriti modal bercantum | 1,106 | 1,093 | 1,052 | 1,042 |
| 3. Lain-lain pelaburan dan aset bersih | 9,827 | 7,503 | 7,274 | 8,018 |
| **Jumlah** | **23,214** | **23,268** | **21,575** | **18,247** |

## b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun

## (i) ASG-Pendidikan

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 | Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2011 | 2010 | 2009 |
|---|---|---|---|---|
| Sebelum Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - NAB (RM'000) | - | 47,230 | 42,504 | 34,117 |
| - NAB seunit (RM) | - | 1.1007 | 1.0118 | 0.8102 |
| Selepas Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - Kadar (sen) | - | 5.60 | 5.50 | 5.50 |
| - NAB (RM'000) | 49,676 | 44,828 | 40,193 | 31,801 |
| - NAB seunit (RM) | 1.0001 | 1.0447 | 0.9568 | 0.7552 |
| - NAB seunit terendah (RM) | 0.9788 | 0.9271 | 0.7605 | 0.7552 |

# II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

## b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun (Samb.)

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | |
|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 | 2011 | 2010 | 2009 |
| - NAB seunit tertinggi (RM) | 1.0761 | 1.1015 | 1.0111 | 0.9825 |
| - Unit Dalam Edaran ('000) | 49,669 | 42,909 | 42,009 | 42,109 |
| Tarikh pengagihan pendapatan | - | 1 April 2011 | 1 April 2010 | 1 April 2009 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)[1] | 0.60 | 1.16 | 1.20 | 1.19 |
| Pusing Ganti Portfolio (kali)[2] | 0.21 | 0.30 | 0.34 | 0.26 |
| Pulangan | | | | |
| - Pendapatan (%)[3] | - | 5.36 | 5.75 | 7.28 |
| - Modal (%)[4] | -4.27 | 9.19 | 26.69 | -21.19 |
| Jumlah Pulangan (%)[5] | -4.27 | 15.04 | 33.98 | -15.45 |

### (ii) ASG-Kesihatan

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | |
|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 | 2011 | 2010 | 2009 |
| Sebelum Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - NAB (RM'000) | - | 49,849 | 38,281 | 25,450 |
| - NAB seunit (RM) | - | 1.1554 | 1.0532 | 0.8264 |
| Selepas Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - Kadar (sen) | - | 6.10 | 6.00 | 6.00 |
| - NAB (RM'000) | 54,319 | 47,217 | 36,100 | 23,602 |
| - NAB seunit (RM) | 1.0423 | 1.0944 | 0.9932 | 0.7664 |
| - NAB seunit terendah (RM) | 1.0166 | 0.9584 | 0.7729 | 0.7664 |
| - NAB seunit tertinggi (RM) | 1.1306 | 1.1568 | 1.0524 | 1.0638 |
| - Unit Dalam Edaran ('000) | 52,116 | 43,146 | 36,346 | 30,796 |
| Tarikh pengagihan pendapatan | - | 1 April 2011 | 1 April 2010 | 1 April 2009 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)[1] | 0.59 | 1.16 | 1.19 | 1.21 |
| Pusing Ganti Portfolio (kali)[2] | 0.24 | 0.34 | 0.36 | 0.26 |
| Pulangan | | | | |
| - Pendapatan (%)[3] | - | 5.57 | 6.04 | 7.83 |
| - Modal (%)[4] | -4.76 | 10.19 | 29.59 | -26.02 |
| Jumlah Pulangan (%)[5] | -4.76 | 16.33 | 37.42 | -20.22 |

# II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

### b) Perbandingan Maklumat Kewangan Bagi Tempoh 3 Tahun (Samb.)

### (iii) ASG-Persaraan

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 | Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2010 | 2009 |
| Sebelum Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - NAB (RM'000) | - | 24,346 | 22,648 | 19,380 |
| - NAB seunit (RM) | - | 1.1515 | 1.0562 | 0.8559 |
| Selepas Pengagihan Pendapatan | | | | |
| - Kadar (sen) | - | 5.10 | 5.00 | 5.00 |
| - NAB (RM'000) | 23,213 | 23,268 | 21,575 | 18,247 |
| - NAB seunit (RM) | 1.0746 | 1.1005 | 1.0062 | 0.8059 |
| - NAB seunit terendah (RM) | 1.0531 | 0.9762 | 0.8111 | 0.8059 |
| - NAB seunit tertinggi (RM) | 1.1402 | 1.1479 | 1.0554 | 1.0212 |
| - Unit Dalam Edaran ('000) | 21,601 | 21,143 | 21,443 | 22,643 |
| Tarikh pengagihan pendapatan | - | 1 April 2011 | 1 April 2010 | 1 April 2009 |
| Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)[1] | 0.63 | 1.22 | 1.23 | 1.23 |
| Pusing Ganti Portfolio (kali)[2] | 0.16 | 0.35 | 0.32 | 0.19 |
| Pulangan | | | | |
| - Pendapatan (%)[3] | - | 4.63 | 4.97 | 6.20 |
| - Modal (%)[4] | -2.35 | 9.37 | 24.85 | -19.47 |
| Jumlah Pulangan (%)[5] | -2.35 | 14.44 | 31.06 | -14.47 |

*Nota:*

1) *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.*
2) *Pusing Ganti Portfolio adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan.*
3) *Pulangan Pendapatan (Yield) :* $\left\{ \frac{\text{Pengagihan Pendapatan Seunit}}{\text{NAB Seunit Akhir Tahun}} \right\}$
4) *Pulangan Modal :* $\left[ \left\{ \frac{\text{(NAB Seunit Akhir Tahun)}}{\text{(NAB Seunit Awal Tahun)}} \right\} - 1 \right] x\ 100$
5) *Jumlah Pulangan :* $\left[ \left\{ \left( \frac{\text{Pulangan Pendapatan}}{100} + 1 \right) x \left( \frac{\text{Pulangan Modal}}{100} + 1 \right) \right\} - 1 \right] x\ 100$

### c) Pusing Ganti Portfolio

Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) untuk ketiga-tiga Tabung ASG bagi separuh tahun kewangan 30 September 2011 menurun berbanding separuh tahun kewangan sebelumnya. Untuk ASG-Kesihatan, NPGP menurun dari

## II. PRESTASI TABUNG (SAMB.)

### c) Pusing Ganti Portfolio (Samb.)

0.37 kepada 0.24, sebahagian besarnya hasil daripada peningkatan nilai asset bersih berbanding separuh tahun kewangan sebelumnnya. ASG-Pendidikan pula mengalami penurunan NPGP dari 0.36 kepada 0.21 hasil daripada aktiviti jual beli yang lebih rendah pada separuh tahun kewangan ini. ASG-Persaraan juga mencatatkan NPGP yang lebih rendah pada 0.16 berbanding 0.35 pada separuh tahun kewangan sebelum ini atas sebab yang sama.

### d) Purata Pulangan Tahunan

Purata pulangan tahunan bagi tabung-tabung di bawah naungan ASG pada 30 September 2011 adalah seperti berikut:-

| | ASG-Pendidikan | | | ASG-Kesihatan | | | ASG-Persaraan | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 tahun | 3 tahun | 5 tahun | 1 tahun | 3 tahun | 5 tahun | 1 tahun | 3 tahun | 5 tahun |
| Jumlah Purata Pulangan (%) | 2.25 | 10.81 | 8.38 | 2.40 | 10.98 | 8.41 | 4.90 | 10.94 | 8.70 |
| Penanda Aras (%) | -0.77 | 8.59 | 6.48 | -1.46 | 9.49 | 6.94 | 0.59 | 6.74 | 5.47 |

*Nota:*

*Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-*

$$\left[ [(1 + r_1)\,(1 + r_2)\ldots.(1 + r_n)]^{1/n} - 1 \right] x\ 100$$

*r = pulangan tahunan*
*n = bilangan tahunan*

## III. LAPORAN PENGURUS

### a) Perbandingan Prestasi Dalam Portfolio Tabung ASG Dengan Penanda Aras

Prestasi pulangan bagi tabung-tabung di bawah naungan ASG berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

**(i) ASG-Pendidikan**

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 | 2011 | 2010 | 2009 | 2008 | 2007 |
| Jumlah Pulangan (%) | -4.27 | 15.04 | 33.98 | -15.45 | 4.20 | 17.87 |
| Penanda Aras (%) | -5.73 | 12.37 | 31.82 | -18.97 | 1.92 | 22.51 |

**(ii) ASG-Kesihatan**

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir | Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 30/09/2011 | 2011 | 2010 | 2009 | 2008 | 2007 |
| Jumlah Pulangan (%) | -4.76 | 16.33 | 37.42 | -20.22 | 4.58 | 21.89 |
| Penanda Aras (%) | -6.94 | 13.98 | 37.37 | -22.32 | 1.55 | 25.92 |

# III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

## a) Perbandingan Prestasi Dalam Portfolio Tabung ASG Dengan Penanda Aras (Samb.)

### (iii) ASG-Persaraan

| | Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 30/09/2011 | Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2010 | 2009 | 2008 | 2007 |
| Jumlah Pulangan (%) | -2.35 | 14.44 | 31.06 | -14.47 | 5.28 | 18.53 |
| Penanda Aras (%) | -3.29 | 9.18 | 21.28 | -11.96 | 2.60 | 15.89 |

*Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar dan harga unit, mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.*

## b) Polisi Pelaburan

Polisi pelaburan tabung-tabung di bawah naungan ASG adalah melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya sekuriti dan saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap dan pasaran wang serta lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang dibenarkan dalam Suratikatan ASG.

## c) Strategi Pelaburan

Strategi pelaburan Tabung ASG bagi tempoh separuh tahun kewangan berakhir 30 September 2011, telah dilaksanakan dengan perumpukan aset yang lebih tinggi pada ekuiti berbanding sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang pada awal tahun kewangan. Pengagihan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti pendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai. Pada awal tahun kewangan, keadaan ekonomi kelihatan semakin pulih dan pasaran saham domestik bertambah kukuh memberi jangkaan bahawa pulangan dari pasaran saham ekuiti adalah lebih menarik. Pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan Program Tranformasi Ekonomi (ETP) Kerajaan mula menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Pada suku kedua tahun kewangan, risiko dalam pasaran dunia dan tempatan dan ketidaktentuan faktor luaran meningkat secara mendadak disebabkan oleh penurunan penarafan kredit kerajaan (sovereign credit rating) Amerika Syarikat. Berikutan itu, pelabur asing mula membawa pulang pelaburan mereka atas kebimbangan kesan penurunan penarafan kredit Amerika Syarikat pada krisis hutang kerajaan di Eropah yang semakin buruk dan pasaran kewangan dunia. Dengan perkembangan ini, Pengurus Tabung telah mengambil keputusan untuk mengurangkan perumpukan aset dalam ekuiti.

Pelaburan Tabung ASG dalam ekuiti ditumpukan kepada sektor-sektor yang berpotensi untuk memberi pulangan yang lebih baik daripada penanda aras dan mempunyai asas fundamental yang kukuh berdasarkan prospek ekonomi,

# III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

## c) Strategi Pelaburan (Samb.)

prestasi syarikat yang terlibat dan juga tema pelaburan semasa. Pemilihan saham-saham untuk pelaburan ditumpukan pada syarikat yang mempunyai kekuatan asas fundamental dan prospek perniagaan yang cerah, yang mendapat sokongan dan insentif daripada Kerajaan melalui ETP dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan ialah sektor kewangan, minyak dan gas dan pembinaan. Pada masa yang sama, pelaburan saham juga diberi penekanan pada sektor dan saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi dan konsisten seperti sektor Amanah Pelaburan Hartanah dan telekomunikasi.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang pula dibuat dengan pemilihan instrumen yang bermutu dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh tabung. Pengurus Tabung sentiasa mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dan mengikut keperluan semasa bagi mengekalkan keupayaan tabung untuk mengagihkan kadar pengagihan pendapatan yang kompetetif kepada pemegang unit dan mengekalkan modal jangka panjang dengan mengambilkira keadaan ekonomi dan juga persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah.

## d) Ulasan Pasaran

### Tinjauan Pasaran Modal

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011, penanda aras utama Bursa Malaysia iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBM KLCI) telah menurun sebanyak 158.00 mata atau -10.23% untuk ditutup pada paras 1,387.13 mata pada 30 September 2011, berbanding paras 1,545.13 mata yang dicatatkan pada 31 Mac 2011. Bagi tempoh yang sama, FBM KLCI telah mencatat paras tertinggi 1,594.74 mata pada 8 Julai 2011, manakala paras terendah 1,331.80 mata dicatatkan pada 26 September 2011.

Secara keseluruhannya prestasi pasaran saham sepanjang tempoh tinjauan adalah negatif dipengaruhi oleh persekitaran luaran yang semakin mencabar yang telah meningkatkan risiko pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk menjadi lebih rendah. Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% pada separuh tahun pertama 2011, didorong oleh pertumbuhan ekonomi domestik yang kekal teguh menerusi pemintaan dalam negeri yang kukuh dan pelaburan dan penggunaan swasta. Prospek pertumbuhan global menjadi semakin tidak menentu disebabkan oleh kebimbangan terhadap penurunan penarafan kredit kerajaan (sovereign credit rating) Amerika Syarikat dan krisis hutang kerajaan di Eropah yang berterusan. Pada bulan September, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama, kecuali euro, berikutan krisis hutang kerajaan di Eropah yang semakin buruk. Ringgit telah menyusut sebanyak -5.13% untuk ditutup pada RM3.1890 berbanding dolar AS pada 30 September 2011, berbanding RM3.0253 pada 31 Mac 2011. Penyusutan nilai ringgit adalah sejajar dengan trend serantau, mencerminkan kegiatan penghindaran risiko pada peringkat global yang semakin ketara sejak bulan Ogos.

## d) Ulasan Pasaran (Samb.)

### Tinjauan Pasaran Modal (Samb.)

Sejajar dengan prestasi FBM KLCI, kesemua indeks sektor utama dalam pasaran saham juga telah mencatatkan penurunan. Sektor-sektor utama dalam Bursa Malaysia seperti sektor pembinaan mencatatkan penurunan indeks sebanyak 66.70 mata atau -23.64% untuk ditutup pada paras 215.41 mata manakala sektor hartanah mencatatkan penurunan indeks sebanyak 223.86 mata atau -20.44% untuk ditutup pada paras 871.38 mata. Tahap keyakinan yang lebih rendah serta ketidaktentuan pasaran kewangan yang berterusan di pasaran global turut mempengaruhi prestasi pasaran saham domestik. Kaunter-kaunter utama indeks dalam sektor pembinaan juga mencatatkan penurunan seperti WCT Berhad (-34.21%), Gamuda Berhad (-25.39%) dan IJM Corporation Berhad (-22.00%). Untuk sektor hartanah pula, Mah Sing Group Berhad dan SP Setia Berhad juga mencatatkan penurunan sebanyak -29.20% dan -7.38% masing-masing.

Di pasaran wang domestik pula, pihak Bank Negara Malaysia telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.00% daripada 2.75% dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari bulan Mei 2011. Sejak itu, Jawatankuasa Dasar Monetari mengambil keputusan untuk mengekalkan OPR pada kadar 3.00% memandangkan momentum pertumbuhan global telah menjadi lebih sederhana berikutan ketidakpastian dasar yang semakin meningkat di negara-negara maju dalam mencari penyelesaian kepada krisis-krisis yang dihadapi, tahap keyakinan yang lebih rendah serta ketidaktentuan keadaan pasaran kewangan yang berterusan. Persekitaran luaran yang semakin mencabar akan menyebabkan meningkatnya risiko pertumbuhan ekonomi dalam negeri untuk menjadi lebih rendah.

Kadar inflasi semasa yang terus membimbangkan mungkin boleh disederhanakan dengan ketidakpastian yang meningkat bagi prospek pertumbuhan ekonomi global dan dalam negeri. Pada paras semasa OPR, penilaian teliti akan terus dibuat terhadap perkembangan dalam persekitaran inflasi dan ekonomi. Pendirian dasar monetari akan diselaraskan dengan sewajarnya bagi memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berterusan. (Sumber: Pernyataan Dasar Monetari, Bank Negara Malaysia 8 September 2011).

### Prospek Ekonomi Dan Pasaran Modal

Secara umumnya, ekonomi dunia dijangkakan akan mencatatkan pertumbuhan global yang sederhana sebanyak 4.0% untuk keseluruhan tahun 2011, berbanding dengan 5.1% pada tahun 2010. Ekonomi negara-negara membangun dijangkakan akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 6.6%, berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara maju pada kadar 1.6% bagi tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangkakan akan diterajui oleh negara-negara membangun seperti China dan India yang diunjurkan untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 9.5% dan 7.8% bagi tahun 2011 (Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, September 2011).

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% pada separuh tahun pertama 2011, didorong oleh pertumbuhan ekonomi domestik

# III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

## d) Ulasan Pasaran (Samb.)

### Prospek Ekonomi Dan Pasaran Modal (Samb.)

yang kukuh. Momentum pertumbuhan ini dijangkakan akan meningkat pada separuh tahun kedua 2011, didorong oleh pemintaan dalam negeri yang kukuh dan juga pertumbuhan ekonomi yang dijana melalui projek-projek dalam ETP. Sehubungan dengan itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk keseluruhan tahun 2011 diunjurkan akan berkembang antara 5% dan 5.5%, dan antara 5% dan 6% bagi tahun 2012 (Sumber: Ucapan Bajet 2012, Oktober 2011).

Langkah kerajaan mengumumkan beberapa inisiatif baru termasuk ETP turut meningkatkan keyakinan pelabur untuk jangkamasa panjang. Inisiatif ini bakal menyaksikan Malaysia mencapai kedudukan sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Tumpuan turut diberikan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Areas atau NKEA) yang dijangka akan memberikan kesan positif yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada tahun 2012, prospek ekonomi global dijangkakan akan lebih mencabar. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia daripada 4.5% sebelum ini kepada 4.0% bagi tahun 2012. Penurunan unjuran pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh beberapa risiko yang mampu memberi cabaran terhadap pertumbuhan ekonomi dunia, antaranya kelembapan pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, kadar inflasi yang terus meningkat akibat kenaikan harga komoditi, krisis hutang yang melanda beberapa buah negara di Eropah seperti Greece dan Portugal serta kelembapan perdagangan global. Perkembangan global ini sudah tentu akan mempunyai kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Bagi pasaran bon pula, jumlah terbitan sekuriti kerajaan dijangkakan akan bertambah pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 (RM58.1 billion) (Sumber: Bank Negara Malaysia). Permintaan terhadap pasaran bon Malaysia akan disokong kukuh oleh pelabur dengan perkembangan positif ekonomi Malaysia. Potensi bagi pasaran tempatan untuk terus meningkat dan menguji paras tertinggi dalam tempoh tahun kewangan ASG masih bergantung kepada asas ekonomi tempatan serta perkembangan proses pemulihan ekonomi global.

## e) Analisis NAB Tabung ASG

### Amanah Saham Pendidikan

Bagi tempoh enam bulan pertama, jumlah NAB bagi ASG-Pendidikan telah mencatatkan pertambahan sebanyak 5.25% iaitu kepada RM49.74 juta berbanding RM47.26 juta pada 31 Mac 2011. Namun begitu pertambahan ketara Unit Dalam Edaran sebanyak 15.75% telah menyebabkan NAB seunit turun sebanyak 4.27% daripada RM1.0447 kepada RM1.0001.

### Amanah Saham Kesihatan

ASG-Kesihatan juga telah menunjukkan kenaikan dalam jumlah NAB sebanyak 9.0% kepada RM54.36 juta berbanding dengan RM49.87 juta pada

# III. LAPORAN PENGURUS (SAMB.)

## e) Analisis NAB Tabung ASG (Samb.)

### Amanah Saham Kesihatan (Samb.)

akhir bulan Mac, 2011. ASG-Kesihatan juga mengalami situasi yang sama di mana NAB seunit juga menurun sebanyak 4.76% daripada RM1.0944 kepada RM1.0423 bagi tempoh yang sama.

### Amanah Saham Persaraan

Jumlah NAB bagi ASG-Persaraan pula adalah RM23.25 juta berbanding dengan RM24.37 juta seperti yang dicatatkan pada akhir bulan Mac, 2011, iaitu penurunan sebanyak 4.60%. NAB seunit juga menurun sebanyak 2.35% daripada RM1.1005 kepada RM1.0746.

## f) Pengagihan Pendapatan

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011, tabung-tabung di bawah naungan ASG belum lagi mengisytiharkan pengagihan pendapatan.

## g) Perubahan Yang Ketara Terhadap Kedudukan Tabung Dalam Tempoh Kewangan

Tiada sebarang perubahan yang ketara sepanjang tempoh enam bulan berakhir 30 September, 2011.

## h) Situasi Yang Boleh Menjejaskan Kepentingan Pemegang Unit

ASNB dan tabung-tabung di bawah naungan ASG tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## i) Komisyen Ringan

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisyen ringan daripada broker dan/atau wakil urus niaga berhubungan dengan urus niaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

# AMANAH SAHAM GEMILANG
# PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit
**AMANAH SAHAM GEMILANG**
(Tabung payung bagi Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan dan Amanah Saham Persaraan)

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM GEMILANG ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi ketiga-tiga Unit Amanah di bawah Amanah Saham Gemilang bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2011, dan keputusan serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM GEMILANG, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 15 November 2011.

| | |
|---|---|
| **TUN AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID**<br>Pengerusi | **TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**<br>Pengarah |

Kuala Lumpur, Malaysia

# AMANAH SAHAM GEMILANG
# PENYATA PEMEGANG AMANAH
## Bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 September 2011

Kepada Pemegang-pemegang Unit
**AMANAH SAHAM GEMILANG**
(Tabung payung bagi Amanah Saham Pendidikan, Amanah Saham Kesihatan dan Amanah Saham Persaraan)

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM GEMILANG bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus telah mengurus AMANAH SAHAM GEMILANG selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah mengikut Suratikatan, lain-lain peruntukan Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM GEMILANG bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011.

Kami juga berpendapat bahawa:

(a) proses dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit AMANAH SAHAM GEMILANG adalah mencukupi dan penilaian/penggunaan harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan

(b) penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garispanduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Yang benar,
**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**HABSAH BINTI BAKAR**
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
17 November 2011

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH SAHAM GEMILANG

**Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Amanah Saham Gemilang ("Unit Amanah"), yang mengandungi Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tempoh enam bulan berakhir 30 September 2011, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih Boleh Agih Kepada Pemegang-pemegang Unit dan Penyata Aliran Tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 21 hingga 65.

***Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap laporan kewangan***

Pengurus adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan (Financial Reporting Standards - FRSs) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: penyediaan, perlaksanaan dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama, yang bebas dari kesilapan yang material, samada disebabkan kesilapan atau pecah amanah; memilih dan melaksanakan polisi perakaunan yang bersesuaian; dan membuat anggaran perakaunan yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk persembahan penyata kewangan yang saksama.

***Tanggungjawab Juruaudit***

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan tersebut, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian keatas risiko kesilapan yang material pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh pecah amanah atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Unit Amanah, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan.

**Laporan penyata kewangan**

Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan

Unit Amanah pada 30 September 2011 dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

*Lain-lain perkara*

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

**Hanafiah Raslan & Mohamad**
AF: 0002
Akauntan Bertauliah

**Abdul Rauf bin Rashid**
No. 2305/05/12(J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
15 November 2011

# AMANAH SAHAM GEMILANG
# - AMANAH SAHAM PENDIDIKAN
# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
# BAGI TEMPOH ENAM BULAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2011

| | Nota | Tempoh enam bulan berakhir 30.09.2011 RM | Tempoh enam bulan berakhir 30.09.2010 RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan | | 314,701 | 213,355 |
| Pendapatan dividen | | 638,991 | 553,482 |
| Keuntungan ternyata bersih daripada jualan pelaburan | | 1,667,136 | 1,014,095 |
| | | 2,620,828 | 1,780,932 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Yuran Pengurusan | 4 | 249,998 | 213,734 |
| Yuran Pemegang Amanah | 5 | 17,496 | 14,961 |
| Ganjaran juruaudit | | 12,000 | 12,000 |
| Perbelanjaan pentadbiran | | 21,078 | 20,424 |
| | | 300,572 | 261,119 |
| **PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI** | | 2,320,256 | 1,519,813 |
| **CUKAI** | 6 | - | - |
